



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	8/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			



HARIMAU belang digelar Atan Kerteh memasuki perangkap yang dipasang Perhilitan di kawasan ladang kelapa sawit di Dungun semalam.

Kosmo Ahad, 8
Ogos 2021_11

Harimau baham ternakan penduduk ditangkap

Atan Kerteh masuk perangkap Perhilitan

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

DUNGUN – Usaha Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menjejak sekumpulan harimau yang membaham lembu ternakan penduduk di Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya di sini, sejak tahun lalu membuahkan hasil.

Ini berikutan seekor daripada harimau belang itu memasuki perangkap yang dipasang Perhilitan di kawasan ladang kelapa sawit tersebut sejak 10 hari lalu.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, haiwan dipercayai berusia setahun setengah itu memasuki salah satu perangkap yang dipasang pukul 8 pagi semalam.

"Haiwan seberat 70 kilogram yang digelar Atan Kerteh itu memasuki perangkap selepas diumpan seekor kambing.

"Kita percaya haiwan itu me-



KERATAN Kosmo! 10 Disember 2020.

rupakan anak seekor induk harimau yang terdapat di ladang kelapa sawit tersebut," katanya ketika ditemui di Ladang Sawit Kerteh 4 semalam.

Menurut Abdul Kadir, Atan Kerteh yang dipercayai berasal dari Hutan Rasau berhampiran dilaporkan sihat dan akan ditempatkan di Pusat Menyelamat Haiwan Liar Kebangsaan di Sungkai, Perak untuk pemantauan.

"Ini merupakan kejayaan terbesar Perhilitan dalam operasi menangkap harimau belang hidup sejak 20 tahun lalu.

"Kita akan meneruskan usaha

memerangkap harimau lain yang dipercayai sudah membaham 240 ekor lembu ternakan penorka sejak dua tahun lalu," katanya.

Berdasarkan maklumat terbaharu, Perhilitan percaya sekurang-kurangnya enam ekor harimau belang masih berke-liraran di kawasan tersebut.

Kosmo! pada 10 Disember lalu melaporkan ternakan yang dibaham harimau di Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya semakin menjadi-jadi apabila penternak mendakwa 20 ekor lembu mati dibaham haiwan itu.

Perhilitan kemudian memasang kamera dan merakam imej lima ekor harimau berkeliraran di ladang kelapa sawit itu.

Pada 23 Februari lalu, seekor harimau jantan yang digelar Awang Rasau ditemui cedera dipercayai akibat perbuatan pemburu haram, namun disahkan mati pada Mac lalu akibat pelbagai komplikasi.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia